MALAYSIAN INVESTMENT DEVELOPMENT AUTHORITY

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah **kod bidang berkaitan** dan **pendaftaran masih sah berkuatkuasa** bagi menyertai tender-tender berikut :-

BIL. TENDER	TAJUK TENDER	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN SETIAP SET	TARIKH TUTUP	TAKLIMAT TENDER
Tender MIDA Bil. 5/2026	Tender Perolehan Perkhidmatan Penyewaan Komputer Riba bagi Ibu Pejabat dan Pejabat MIDA Dalam Negeri untuk Tempoh Tiga (3) Tahun Bermula dari 1 November 2027 hingga 31 Oktober 2030 **(Tender MIDA No. 5/2026)**	**210109**	**RM300.00** Dokumen Meja Tender boleh dirujuk mulai **30 Oktober 2026 (Jumaat)**	**30 November 2026 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari**	**Tarikh: 30 Oktober 2026 (Jumaat)** **Masa: 10.00 pagi** **Lokasi: Dewan Bankuasi, Tingkat 10, Bangunan MIDA Sentral** **Kehadiran: DIGALAKKAN**

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada syarikat yang masih **berkuatkuasa pendaftarannya** dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**. Syarikat hendaklah membawa dan menunjukkan **Sijil Asal Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) / Sijil Virtual Yang Dicetak Dari Sistem ePerolehan** serta perlu menyerahkan satu **SALINAN (FOTOSTAT)** sijil-sijil berkenaan semasa **membeli** dokumen tender.

3. Dokumen tender boleh dibeli di **Bahagian Pengurusan Korporat, MIDA, Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur** semasa **waktu pejabat selepas sesi taklimat.** Bayaran bagi dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos** atas nama "**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA" (MIDA) dan tidak akan dikembalikan.**

4. Syarikat yang berminat **DIGALAKKAN** untuk menghadiri **taklimat** pada **tarikh dan masa** seperti yang dinyatakan di atas.

5. Tender ini akan ditutup pada **30 November 2026 (Isnin) jam 12:00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dimeterai hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Bahagian Pengurusan Korporat, Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur.** Tender yang **lewat dihantar** dari **tarikh dan masa** yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

6. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di **laman web rasmi MIDA** iaitu **http://www.mida.gov.my.**

7. MIDA tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang terendah atau mana-mana tawaran.

8. Segala perbelanjaan berhubung dengan penyediaan dan penyerahan Tender adalah di atas tanggungan syarikat-syarikat yang menyertai pelawaan ini.